

## HUKUM MEMBELI TIKET CABUTAN BERTUAH

Cabutan bertuah ialah satu permainan yang melibatkan pemberian hadiah kepada sesiapa yang bertuah mengikut cabutan tiket bertuah yang disediakan. Kebiasaannya aktiviti ini dilakukan sebagai tarikan atau memberi galakan kepada orang ramai untuk hadir ke majlis tersebut. Semakin bernilai hadiah, semakin ramai yang akan menyertainya dengan harapan masing-masing agar merekalah yang terpilih dan bertuah.

Namun pelaksanaan ini jika tidak kena dengan caranya, tiket cabutan bertuah boleh termasuk dalam kategori judi ataupun *gharar*. Para ulama mentakrifkan judi (*al-qimar*) mengandungi dua unsur utama:

- i. Setiap permainan yang mensyaratkan mereka yang kalah untuk membayar sesuatu.
- ii. Mengambil harta orang lain dalam situasi '*mukhatarah*' (sama ada menang atau kalah) atau risiko sama ada akan dapat atau tidak dapat.

Ibnu Qudamah menyebut didalam kitab al-Mughni yang bermaksud: "Dan jika hadiah pertandingan atau permainan itu datang daripada kumpulan yuran peserta, maka ia adalah haram kerana ia tergolong dalam bab judi nasib "*qimar*", dan kerana setiap peserta tidak terlepas daripada peluang untuk meraih untung atau menanggung rugi, justeru amat jelas ia daripada kategori memakan harta orang lain secara salah, membenihkan permusuhan dan pertengkaran."

Dalam isu judi, keputusan majlis Fiqh Antarabangsa "*Organization of the Islamic Conference, Islamic Fiqh Academy*" dalam sidangnya ke 14 pada 8 - 13 Zulkaedah 1423 H (11-16 Jan 2003) yang lalu telah memutuskan (keputusan nombor 127 (14/1), unsur perjudian dalam sebarang peraduan, permainan dan pertandingan dalam dua bentuk seperti berikut:

- i. Disebabkan oleh jenis permainan: iaitu apabila ia bersifat permainan yang hanya bergantung kepada tuah (*game of luck*) untuk menang serta memerlukan bayaran untuk menyertainya.
- ii. Disebabkan oleh hadiahnya: iaitu apabila hadiahnya diambil daripada kumpulan wang penyertaan semua peserta.

Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut, membeli tiket cabutan bertuah untuk mendapatkan hadiah cabutan adalah termasuk dalam kategori yang tidak dibenarkan syarak ataupun judi. Ini kerana membeli tiket cabutan bertuah untuk mendapatkan hadiah adalah salah satu daripada unsur eksploitasi bagi membolehkan seseorang mendapatkan hadiah bertuah. Selain itu, peserta juga beradu nasib untuk memenangi hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur meskipun mengetahui risiko akan menanggung kekalahan. Walaupun hadiah tersebut disediakan oleh pihak penganjur, namun keadaan sedemikian telah menyebabkan sebelah pihak menanggung kerugian jika nasib tidak menyebelahnya untuk memenangi sebarang hadiah.

Sebagai kesimpulan, membeli tiket cabutan untuk mendapatkan hadiah cabutan bertuah adalah termasuk dalam kategori judi. Konsepnya adalah sama dengan membeli nombor ekor di tempat-tempat yang menyediakan khidmat tersebut. Justeru dinasihatkan untuk tidak menyertai sebarang cabutan bertuah yang melibatkan bayaran untuk mendapatkan tiket cabutan bertuah tersebut.

Adapun jenis tiket cabutan bertuah yang dibenarkan dan harus ialah semua jenis tiket cabutan bertuah yang **tidak memerlukan sebarang bayaran** berbentuk sumbangan untuk menyertainya. Ia adalah disepakati oleh ulama kerana melihatnya sebagai pemberian hadiah biasa dari satu pihak (yang memberi dan menawarkan). Tiada sebarang pihak akan menanggung kerugian walaupun tidak terpilih, tatkala itu tiada timbul isu memakan harta orang lain secara batil (salah) yang diharamkan oleh Allah *Subhanahu wata'ala*.

جَابِرُ مِفْطِي سِرَافِق  
JABATAN MUFTI SARAWAK